

Qalam

Bilangan 52 – Rabi'ul Awal 1374 – November 1954 – 60 sen

Muhammad Rasulullah

ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam

Dalam bulan Rabi'ul Awal yang berbahagia ini, umat Islam di seluruh dunia menyambut dan memperingati hari lahirnya Rasulullah ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam.

Memperingati Junjungan yang mulia, pemimpin yang sejati, pahlawan yang gagah berani, ahli siyasah yang bijaksana, orang besar yang budiman.

Memperingati Rasulullah yang telah menyatupadukan manusia dari berbagai-bagai bangsa dan warna di bawah kibaran panji-panji “Islam”, agama tawhid yang suci dari segala jenis syirik, agama yang telah membina tamadun dunia yang cemerlang dan mengarah manusia ke arah suatu susun hidup yang teratur, damai dan sejahtera, ke arah kebahagiaan dunia akhirat.

Junjungan kita yang demikian sifatnya dan jasanya bukan sahaja diperingati setahun sekali malah sentiasa diperingati dan disebut namanya lima kali sehari semalam oleh tiap-tiap seorang Muslim yang telah merasa bahagia dengan pimpinan dan ajarannya, dan sedia mengorbankan harta benda dan nyawa di badan kerana mempertahankan kehormatan agamanya.

Lord Headly, bangsawan Inggeris yang telah berbahagia memeluk agama Islam berkata: “Saya sangat takjub akan golongan yang mencari sebaik-baik jenis makanan, minuman, pakaian dan rumah tempat tinggal; tetapi mereka tidak pula mencari akan sebaik-baik agama yang ada di dunia ini”.

Orang-orang besar dunia yang bukan Islam telah memberi penilaian yang tinggi kepada ajaran Islam yang berpunca dari Kitab Allah al-Quran dan sunnah Rasulullah – Muhammad bin ‘Abdullāh – ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam.

Antara lain-lain, George Bernard Shaw, pujangga Inggeris yang masyhur berkata:

“Sesungguhnya saya telah menyelidik akan riwayat hidup Nabi Muhammad dengan sifatnya seorang yang sangat-sangat menakjubkan. Saya dapati jauh daripada permusuhan dengan Nabi ‘Isā (sebagaimana yang digambarkan oleh setengah pendeta Eropah yang taksub buta) bahkan Muhammad wajib dipanggil akan dia penyelamat manusia. Saya yakin sekiranya dunia sekarang dipimpin oleh salah seorang yang menurut jejaknya nescaya akan berkejayaan menyelesaikan segala perbalahan dan kekusutan dunia dengan cara yang akan membawa keamanan dan kebahagiaan yang sangat-sangat dihajati oleh ‘alim kita pada hari ini.”

Seterusnya Bernard Shaw berkata lagi: “Dalam kurun yang kesembilan belas, penghargaan yang tinggi terhadap Nabi Muhammad telah pun disedari oleh ahli-ahli fikir yang tulus ikhlas seperti “Carl El” dan “Gibbon”. Demikianlah terjadi peralihan yang baik dalam sikap orang-orang Eropah terhadap Islam, malah Eropah dalam kurun yang ada ini telah melangkah lebih jauh dalam perkara ini, dan telah mula menghargai agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad. Manakala dalam kurun yang akan datang, Eropah akan melangkah lebih jauh daripada itu dengan mengakui akan kaedah anjuran Islam menyelesaikan segala kekusutan dan kerumitan. Dengan jiwa inilah hendak difaham ramalan saya ini.”

Demikian pulalah penghargaan yang telah diberikan oleh Carl El, Tolstoy dan lain-lainnya terhadap Islam dan Junjungan umat Islam.

*

Sebagaimana lain-lain negeri Islam maka umat Islam di Malaya tidak kurang sambutan memperingati hari lahirnya

Rasulullah (SAW) pada tiap-tiap kali terbit bulan Rabī‘ul

Awal yang bersejarah ini.

Tetapi sambutan Mawlid al-Nabī sebagaimana yang biasa diperingati itu dengan bacaan, dengan ucapan, dengan perarakan tidak akan sempurna jika tidak disertakan dengan sambutan dan ingatan yang hakiki – dengan menurut jejaknya dan mencontohi amalan dan gerak langkahnya.

Sambutan dan ingatan yang hakiki inilah yang kita umat Islam sangat-sangat kurang mengambil perhatian. Dan sebagaimana lazimnya sambutan yang kosong tidak mengeluarkan hasil melainkan kosong jua.

Perkara yang besar ini sayogia disedari dan diperbaiki kalau sungguh kita bertujuan hendak memperbaiki nasib dan masyarakat kita. Masyarakat akan tetap kucar-kacir selagi tiap-tiap seorang Islam tidak bergerak menunaikan tanggungjawabnya.

Masyarakat Islam di sini akan berkekalan muram selagi hartawan-hartawannya belum mahu bergerak berbakti dengan harta yang telah dikurniakan Allah kepada mereka. Kolej Islam yang masih terbengkalai adalah menjadi sebesar-besar dalil bahawa kaum hartawan kita masih belum menunaikan tanggungjawab kepada masyarakat sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

Masyarakat Islam di sini akan berkekalan gelap dalam faham agama Islam yang sejati selagi alim ulama belum mahu bergerak menyiarkan ajaran Islam sebagai menunaikan amanah Allah dan Rasul-Nya. Faham-faham karut yang masih tebal di kalangan masyarakat kita menunjukkan alim ulama belum lagi menunaikan tanggungjawabnya.

Masyarakat Islam di sini akan kekal berpecah-belah dan porak-peranda selagi pemimpin-pemimpin siyasah sesama sendiri berpecah-belah dan musuh-memusuh. Kejadian yang malang itu akan berkekalan terus-menerus selagi pemimpin-pemimpin yang menjadi harapan orang ramai belum mahu berikhtiar

berdamai, bersefahaman dan bersatu padu sesama sendiri, serang-menyenang dan tuduh-menyuduh yang makin sehari makin galak itu menunjukkan pemimpin-pemimpin yang menjadi tumpuan harapan masih belum menunaikan tanggungjawabnya, masih jauh dari pimpinan Rasulullah (SAW).

Jelasnya tiap-tiap seorang Islam tertuntut menunaikan tanggungjawabnya sebagaimana yang terbentang di dalam kitab suci al-Quran dan disampaikan oleh Junjungan (SAW) yang kita ingati pada bulan yang berbahagia ini.

Allahumma ṣalli wa sallam wabārik ‘alayh.

Harap Perhati

- * -

Di muka 27 ruangan 1 baris 6 ada tersebut

“Perempuan tidak wajib berjumaat”. Yang betulnya

“Perempuan wajib berjumaat”.

Jadi dalam masalah ini Kiyai Ḥāji Ma‘šūm

dan Kiyai Ḥāji Manūr Khalīl sendirinya mengatakan

“Perempuan wajib berjumaat”. Lalu dibantah oleh Tuan

‘Abdul Qādir Ḥasan dengan katanya “Perempuan tidak wajib

berjumaat”. Dengan alasan-alasan yang dibentangkan dalam rencananya

itu – P.Q.

Penggal 1 dan 2 sudah siap – sepenggal \$1.20

‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb Oleh: ‘Abdullāh Basmeh

Silalah pesan kepada:

Qalam Press Ltd.,

P.O Box 3031, Singapore.